


Headline	Dayang mula fikir soal jodoh		
MediaTitle	Kosmo		
Date	22 Sep 2012	Color	Full Color
Section	Hiburan	Circulation	115,967
Page No	42	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	412 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,582
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,746



FIGURA yang dikenali dengan vokal yang mantap ini cukup bertuah kerana mempunyai ibu bapa yang cukup memahami senario terkini dirinya.



Dayang mula fikir soal jodoh

LAGU nyanyiannya menjadi siulan ramai seperti *Seandainya Masih Ada Cinta*, *Dayang Sayang Kamu*, *Sedingin Mana Cintamu*, *Erti Hidup* dan *Kemalilah Sayang* beberapa tahun sebelum ini.

Namun, sejak kebelakangan ini nama Dayang Nurfaizah Awang Dowty, 31, agak sepi dan kurang mendapat publisiti media.

Ketika diajukan persoalan sama ada dia sengaja berbuat demikian atau disebabkan kurang menerima tawaran menyanyi, Dayang pantas berkata, sebenarnya dirinya sangat sibuk dengan menyanyi.

"Setakat ini saya tidak boleh berhenti menyanyi walaupun seminggu bercuti, masa cuti Aidilfitri selama sebulan, saya sudah risau takut suara saya sudah jadi lain," ujarnya ketika ditemui di majlis rumah terbuka Majlis Aids Malaysia di Sentul, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Wanita berzodiak Cancer ini memberitahu, sebenarnya dia banyak menerima jemputan menyanyi sama ada di Semanjung mahu pun di Kuching, Sarawak.

"Saya banyak menerima tawaran sehingga ada yang terpaksa ditolak sebab tak sempat, kalau pengikut saya di Twitter dan Facebook tahu akan kesibukan saya ini," jelasnya.

Dia yang telah menerima anugerah Darjah Amat Mulia Bintang Sarawak (Ahli Bintang Sarawak - ABS) minggu lalu daripada Yang Dipertua Sarawak Tun Abang Muhammad Salahuddin

Abang Barieng, turut menjelaskan, publisiti media sengaja dikurangkan bagi mengelakkan dirinya daripada menaja cerita yang sama.

"Kalau tiada perkara baharu, saya lebih rela senyap, buat apa nak keluar majalah, akhbar selalu kalau tiada album dan lagu baharu," ujarnya yang masih mempromosikan single *Sayang dan Cahaya* yang dilancarkan pada Jun tahun lalu.

Dayang menjelaskan, dia juga tidak mahu jika mendapat publisiti berlebihan tanpa ada produk baharu yang dihasilkan dan perkara itu akan menyebabkan ada cerita merepek dan peminatnya akan muak nanti.

Dia yang dipilih selama tiga tahun berturut-turut sebagai duta Kelab Belia Riben Merah oleh Majlis Aids Malaysia turut memberitahu, pada tahun ini akan berada di pasaran album 'live' duetnya bersama penyanyi Anuar Zain sempena persembahan mereka di Dewan Philharmonik Petronas (DFP), KLCC.

Bercerita pula mengenai perkara peribadi dan perkahwinan pula, Dayang turut menyatakan kegelisahannya apabila melihat rakan-rakan seusianya sudah mempunyai seorang dua anak.

"Memang risau, bila balik beraya baru-baru ini, kawan-kawan semua dah ada anak, saya teman lelaki pun masih tiada," ujarnya yang mengakui sepanjang 13 tahun bergelar anak seni, dia tidak pernah bercinta.

Dayang juga berkata, disebabkan ketika mula-mula mencipta nama dahulu dia telah meletakkan halangan untuk mana-mana lelaki mendekatinya disebabkan mahu bertapak kukuh dalam industri terlebih dulu, menyebabkan kini dirinya sukar didekati oleh mana-mana lelaki.

"Sekarang halangan itu saya sudah buka, tetapi saya tetap akan memilih calon suami saya kerana itu adalah masa depan saya," katanya yang tidak meletakkan kriteria calon suami melainkan yang memahami kerjayanya.

Ujarnya lagi, ibu bapanya, Awang Dowty Awang Fauzi dan Nona Nahravi juga tidak mendesaknya untuk cepat-cepat berumah tangga jauh sekali ingin mencarikan jodoh untuknya.

"Alhamdulillah mereka faham saya macam mana, saya juga lega mereka tidak desak suruh saya cepat-cepat kahwin," katanya.

Bagi Dayang, dia juga tidak mahu letakkan sasaran umur untuk berumah tangga, bimbang akan disalahertikan oleh peminat.

"Kalau saya kata nak kahwin umur 35 tahun tiba-tiba tahun depan cakap nak kahwin, nanti apa peminat kata pula. Biarlah ia berlaku secara semulajadi sahaja," luahnya yang masih tidak dapat melupakan peluang menyanyi bersama pemuzik terkenal dari Kanada, David Foster di Stadium Putra, Bukit Jalil pada tahun lalu. - SITI KAMILAH MUS-TAPHA